SULIT

**MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**BILANGAN 3 TAHUN 2022**

| | | |
|---|---|---|
| **TARIKH** | **:** | **29 MAC 2022 (SELASA)** |
| **MASA** | **:** | **9.00 PAGI** |
| **TEMPAT** | **:** | **PEJABAT/KEDIAMAN MASING-MASING** |

**HADIR**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.*<br>(Yang Dipertua) | - | Pengerusi |
| 2. | Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*<br>Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya<br>Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 3. | Cik Ang Lee Yong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 6. | Encik Wong Kim Loon | - | Ahli Majlis |
| 7. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |
| 8. | Encik Nadasan a/l Subramani | - | Ahli Majlis |
| 9. | Encik Gan Yee Chin | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Lim Tou Yih | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Razali bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 12. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 13. | Puan Rahimah binti Harun | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Yong Keh Chyn | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Abu Bakar bin Mohamad | - | Ahli Majlis |
| 16. | Encik Naharanuar bin Ayob | - | Ahli Majlis |
| 17. | Puan Rogayah binti Ibrahim | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Norazmi bin Mohamed Tahir | - | Ahli Majlis |
| 19. | Encik Lim Lip Suan | - | Ahli Majlis |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 20. | YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan, *D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.* | - | Ahli Majlis |
| 21. | Encik Tan Wee King | - | Ahli Majlis |
| 22. | Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy | - | Ahli Majlis |
| 23. | Encik Panalsalwa a/l R Kuppan | - | Ahli Majlis |
| 24. | Encik Zulkipli bin Said | - | Ahli Majlis |
| 25. | Encik Abd Razak bin Ramli | - | Ahli Majlis |
| 26. | TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, *A.M.S., P.P.T., P.K.T.* | - | Setiausaha |

**TURUT HADIR**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, *P.P.T.* | - | Pengarah Jabatan Kejuruteraan |
| 2. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, *P.J.K.* | - | Pengarah Jabatan Perbendaharaan |
| 3. | Puan Nurfadhilah binti Jalaludin | - | Wakil Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat |
| 4. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan Landskap |
| 5. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta |
| 6. | Encik Muhammad Faiz bin Jambri | - | Wakil Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan |
| 7. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan |
| 8. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan Pelesenan |
| 9. | Puan Norain binti Mohamed | - | Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran |
| 10. | Puan Hashila binti Hamzah | - | Pengarah Jabatan Penguatkuasaan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 11. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin, *P.P.T.* | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat |
| 12. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim | - | Ketua Unit Pusat Setempat |
| 13. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit Dalam |
| 14. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, *P.P.T.* | - | Ketua Unit Perundangan & Unit Perolehan dan Ukur Bahan |
| 15. | Encik Mohd Shauki bin Jamaludin | - | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |
| 16. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin | - | Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Encik Mohd Safiee bin Harun | - | Ahli Majlis |

**DIJEMPUT HADIR**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Y.B. Tuan Lau Weng San<br>Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Banting | - | Pemerhati |
| 2. | Encik Nasri bin Mohd Jamal | - | Worldwide Holdings Sdn. Bhd. |
| 3. | Encik Mudzakkir bin Zahidi | - | Worldwide Holdings Sdn. Bhd. |
| 4. | Cik Nur Alina binti Md Yusof | - | Worldwide Holdings Sdn. Bhd. |
| 5. | Encik Ang Xin Xian | - | Kenanga Investors Berhad |
| 6. | Puan Sitinur Hazwani binti Md. Sabudin | - | Selangor Advance |
| 7. | Cik Noor Zazaniza binti Hamzah | - | Selangor Advance |

**URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 2. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |

| PERKARA | TAJUK PERKARA | | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| **1.0** | **UCAPAN PENGERUSI** | | |
| | Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan Al Fatihah bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.<br><br>YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini.<br><br>Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara berikut : | | |
| | 1.1 | Beliau memohon kerjasama daripada semua Ahli Majlis supaya menjalankan peranan sebagai penghubung antara pihak Majlis dengan penduduk. Ahli Majlis diminta memaklumkan keputusan berkaitan pembangunan-pembangunan baharu yang diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat kepada penduduk di zon masing-masing supaya penduduk mendapat makluman yang sewajarnya.<br><br>Ini juga terpakai kepada semua Pengarah Jabatan, Ketua Unit dan Ketua Bahagian untuk memaklumkan kepada Ahli Majlis zon berkaitan mengenai kerja-kerja penyelenggaraan dan projek pembangunan yang akan dilakukan. | **Makluman** |
| | 1.2 | Ahli Majlis dikehendaki membuat perancangan bagi penggunaan peruntukan zon masing-masing dengan teratur dan berhemah dengan mengutamakan keperluan penggunaan di zon sendiri terlebih dahulu. Ini untuk mengelakkan komen yang kurang enak daripada penduduk di zon yang jarang melihat penglibatan Ahli Majlis di zon mereka.<br><br>Pemberian sumbangan pula hendaklah dengan justifikasi yang relevan bagi memastikan semua lapisan masyarakat menerima manfaat daripada peruntukan tersebut. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2.0 | **PEMBENTANGAN TAKLIMAT-TAKLIMAT** | | |
| | 2.1 | **CADANGAN PELABURAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DALAM PROJEK *WASTE TO ENERGY* (WTE) OLEH WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD (WHB) DI SELANGOR.**<br><br>Taklimat telah disampaikan oleh pihak Worldwide Holdings Berhad seperti di **Lampiran A**.<br><br>1. YBhg. Dato' Pengerusi mencadangkan Program Retreat Ahli Majlis diadakan sama ada di Indonesia atau Thailand bagi melihat operasi Projek *Waste To Energy* di negara tersebut. Pihak Majlis berharap lawatan ini dapat membantu Ahli Majlis dalam menyampaikan maklumat/menerangkan kepada masyarakat dan NGO berkenaan pelaksanaan WTE ini di daerah Kuala Langat. Oleh itu, beliau meminta Pengarah JP berbincang dengan pihak Worldwide lokasi sebenar projek WTE di kedua-dua negara terbabit sebelum lawatan tersebut diaturkan. | |
| | 2.2 | **CADANGAN SUMBER PELABURAN ALTERNATIF MELALUI INISIATIF *SELANGOR ADVANCE*.**<br><br>Taklimat telah disampaikan oleh pihak Kenanga Investors Berhad seperti di **Lampiran B**. | |
| 3.0 | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT** | | |
| | 3.1 | **MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 2 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 25 FEBRUARI 2022** | |
| | | Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Zulkipli bin Said dan disokong oleh Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy tanpa pindaan. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **4.0** | **PERKARA-PERKARA BERBANGKIT** | | |
| | | - TIADA – | |
| **5.0** | **MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT :** | | |
| | **5.1** | **MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 3 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 MAC 2022.** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut : | |
| | i. | **Perkara 4.8**<br><br>Encik Naharanuar ingin tahu tahap kemampuan kewangan MPKL untuk melakukan pelaburan tersebut.<br><br>*Pengarah JP memaklumkan pihak Jabatan mencadangkan jumlah pelaburan sebanyak RM 3 juta atau RM 5 juta berdasarkan kemampuan kewangan MPKL. Pelaburan ini akan menggunakan rizab kewangan sedia ada MPKL.*<br><br>*Encik Wong Kim Loon mencadangkan jumlah pelaburan sebanyak RM 5 juta.*<br><br>*Dato' Sundararaju memaklumkan kadar pulangan pelaburan oleh Kenanga Invest ini agak rendah. Oleh itu beliau mencadangkan jumlah pelaburan sebanyak RM 1 juta sahaja.*<br><br>**KEPUTUSAN MESYUARAT**<br><br>Mesyuarat bersetuju untuk pihak Majlis melabur sebanyak RM 3 juta melalui Inisiatif Selangor Advance. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 5.2 | **MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 3 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 MAC 2022.** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut : | |
| | i. | **Perkara 5.7.1**<br><br>Cik Ang Lee Yong memaklumkan turapan telah menutup saluran air ke parit dan menyebabkan banjir kilat di hadapan kedai di sepanjang Jalan Sultan Abdul Samad.<br><br>*Pengarah JK memaklumkan kerja-kerja tersebut masih dalam tindakan kontraktor.* | **Makluman** |
| | ii. | **Perkara 5.3.1**<br><br>Encik Gan Yee Chin memohon pertimbangan daripada pihak Majlis untuk membenarkan warga emas parkir kenderaan mereka di dalam kawasan Pasar Awam Banting kerana mereka perlu berjalan jauh apabila kenderaan diletakkan diluar kawasan pasar.<br><br>*Pihak Majlis bersetuju untuk membenarkan kenderaan orang awam diparkir di dalam kawasan pasar awam.*<br><br>*Encik Wong Kim Loon mencadangkan perkara ini diselaraskan ke semua pasar awam susulan Negara akan memasuki fasa endemik pada 1 April 2022.* | **JKP** |
| | iii. | Encik Naharanuar memaklumkan Pertandingan Video Masakan Online dan Pertandingan Gubahan Bunga Hiasan Meja telah diadakan pada 28 Mac 2022. Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Dato' Pengerusi yang telah menjadi pengadil pertandingan memasak dan terima kasih diatas penyertaan semua yang berminat. Senarai pemenang akan diumumkan dalam masa terdekat. Selain itu, pihak urus setia bercadang untuk mengadakan ucapan Hari Raya Wanita Bersama Keluarga dan akan memohon | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | peruntukan untuk program tersebut. | |
| | 5.3 | **MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 3 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 8 MAC 2022.** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan. | **Makluman** |
| | 5.4 | **MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 3 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 MAC 2022.** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut : | |
| | i. | Cik Ang Lee Yong memaklumkan catatan minit mesyuarat yang tertinggal iaitu beliau memohon pihak Majlis menyediakan peruntukan bagi cadangan pemberian tong sampah kepada setiap rumah.<br><br>*Encik Gan Yee Chin bersetuju dengan cadangan tersebut dan meminta JPSPKP mengenal pasti taman perumahan yang akan terlibat dengan pemberian tong sampah percuma ini. Beliau mendapati banyak rumah yang tidak menyediakan tong sampah sendiri dan hanya menggantung atau meletakkan plastik sampah di hadapan rumah sehingga dikoyakkan oleh anjing/kucing.*<br><br>*Pihak Majlis bersetuju untuk memberikan tong sampah percuma kepada taman perumahan dan pihak JPSPKP diminta mengenal pasti taman perumahan yang terlibat.*<br><br>*Puan Nor Aishah berpendapat sepatutnya perlu ada satu tong sampah yang berasingan untuk sisa makanan kerana sisa makanan yang bercampur dengan sampah lain akan menarik perhatian anjing dan kucing untuk mengoyakkan plastik sampah. Ini juga akan mengurangkan jumlah sampah yang dibuang ke tapak pelupusan sampah.* | **JPSPKP** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | ii. | Encik Naharanuar memaklumkan lampu limpah di Dataran Banting didapati masih menyala pada jam 2.00 pagi. Oleh itu, beliau mencadangkan pemasangan pemasa (*timer*) di lampu limpah tersebut bagi tujuan penjimatan elektrik. | **JK** |
| | **5.5** | **MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 3 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 MAC 2022.** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut : | |
| | i. | **Perkara 2.0**<br><br>Tuan Setiausaha memaklumkan status kemajuan pembinaan jejambat di bulatan Bandar Saujana Putra yang lewat daripada jadual asal.<br><br>*YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan pihak Majlis telah memutuskan untuk menangguhkan semua permohonan baharu oleh pemaju Seribu Baiduri di kawasan BSP selagi isu pembinaan jejambat masih tidak selesai.* | **Makluman** |
| | **5.6** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 3 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 MAC 2022.** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut : | |
| | i. | **Perkara 5.8**<br><br>Dato' Sundararaju mencadangkan kertas mesyuarat ini ditolak kerana ia meningkatkan kos kepada penyewa. Ini adalah kerana terdapat penyewa yang menyewa dewan orang ramai untuk 2 hari iaitu untuk persiapan majlis dan pada hari majlis berlangsung. | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan penyewa boleh mendapatkan perkhidmatan sanitasi awam dan semburan lalat daripada pihak luar yang menawarkan perkhidmatan tersebut. Pihak Majlis akan membuat sanitasi awam dan semburan lalat untuk kegunaan MPKL sahaja.*<br><br>**KEPUTUSAN MESYUARAT**<br><br>Mesyuarat bersetuju menolak kertas mesyuarat ini. | **Makluman** |
| | ii. | Cik Ang Lee Yong ingin tahu bila Dewan Orang Ramai Banting akan dibuka kepada orang awam.<br><br>*YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan Dewan Orang Ramai Banting masih dijadikan tempat simpanan barang sitaan JPK.* | **Makluman** |
| | **5.7** | **MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 3 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 MAC 2022.** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut : | |
| | i. | **Perkara 5.1.4**<br><br>Encik Gan Yee Chin membangkitkan mengenai Mesyuarat Sidang Dewan Negeri Selangor yang lalu yang menyatakan program translokasi lembu di Olak Lempit akan bermula pada bulan Jun ini. Oleh itu, beliau ingin tahu sama ada penternak yang belum berdaftar dengan Pejabat Daerah/Tanah akan terlibat dengan program ini.<br><br>*YBhg. Dato Pengerusi meminta Unit Perundangan membentangkan Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan yang akan datang untuk pihak Majlis meneliti peruntukan yang terdapat dalam Enakmen tersebut* | **UP** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *sama ada PBT dibenarkan untuk mengambil tindakan terhadap lembu-lembu berkeliaran ini.* | |
| | ii. | **Perkara 5.4.1**<br><br>Cik Ang Lee Yong bersetuju dengan cadangan pembinaan Galeri Haji Sidek namun berpendapat lokasi pembinaan di Dataran Banting adalah tidak bersesuaian kerana keadaan Dataran yang sempit. Oleh itu, beliau mencadangkan pembinaan galeri di kawasan Pantai Morib.<br><br>*Tuan Setiausaha memaklumkan lokasi pembinaan galeri telah diubah ke Bangunan DETC, Pantai Morib yang ketika ini disewa oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Kakitangan MPKL. Apabila tempoh sewaan telah tamat, bangunan itu akan digunakan sebagai Galeri Anak-Anak Sidek. Pihak PADAT juga telah bersetuju untuk berkongsi bahan-bahan untuk galeri tersebut dengan pihak Majlis.*<br><br>*YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan beliau bersetuju dengan cadangan tersebut memandangkan pada suatu ketika dahulu anak-anak Sidek ini menjalani latihan dengan berlari dari Kanchong Darat ke Morib. Oleh itu, Pantai Morib adalah lokasi yang sesuai untuk penyediaan galeri tersebut.* | **Makluman** |
| **6.0** | **MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:** | | |
| | **6.1** | **MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 3 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 FEBRUARI 2022.** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum. | **Makluman** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 6.2 | **MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 4 TAHUN 2022 YANG TELAH DIADAKAN PADA 28 FEBRUARI 2022.** | |
| | | Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.<br><br>*Encik Gan Yee Chin memaklumkan terdapat Ahli Majlis yang tidak mengetahui lokasi pembangunan baharu ini.*<br><br>*YBhg. Dato' Pengerusi memaklumkan tajuk kertas mesyuarat akan ditambah baik dengan meletakkan zon MPP Ahli Majlis yang terlibat.* | **Makluman** |
| **7.0** | **PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN** | | |
| | 7.1 | **KERTAS MESYUARAT NO. 1**<br><br>**PERMOHONAN PINDAH PERUNTUKAN BIL. 2/2022**<br><br>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.<br><br>*Latar belakang*<br><br>1. Pihak Jabatan telah menerima 2 borang notis membuat pembelian dari Jabatan Khidmat Pengurusan bagi pembelian 2 buah bot iaitu bot jenis *cartopper* dan *delta inflatable* (berserta enjin) untuk kegunaan Skuad Pantas MPKL.<br><br>*Justifikasi permohonan*<br><br>1. Berikut merupakan jumlah pembelian dan kelebihan mengikut jenis bot : | **JP** |

| JENIS BOT | KELEBIHAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1.3" *Cartopper boat* | • Dibina dari material *fibre glass*<br>• Paras maksimum air | 3,590 |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | 2 set *bench seat wrap frp*<br><br>Aksesori:<br>• *1 pc airlock seat*<br>• *1 pc anchor airlock*<br>• *3 pc cross bar*<br>*Life jacket*<br><br>*1 piece single paddle boat*<br><br>Kos penghantaran | dari lantai bot (*draft*) adalah sedalam 1 kaki sahaja dan sesuai digunakan di kawasan cetek<br>• Kedalaman bot menyebabkan ianya sesuai digunakan bagi operasi menyelamat di kawasan banjir<br>• Bersaiz kecil bagi memudahkan tujuan pengangkutan<br>• Rekabentuk bawah badan yang lunas (*v-shape hull*) menjadikannya stabil serta mudah dikendalikan di kawasan cetek dan berombak<br>• Sistem pemanduan manual | | | |
| | | | 1 Delta *Inflatable boat*<br><br>*Foot pump*<br><br>*Repair* oar x 2 *kit*<br><br>*Hand paddle*<br><br>Yamaha 15HP 2 *stroke Enduro Outboard with 12L fuel tank* | • Dibina daripada logam alumunium dan getah<br>• Paras maksimum air dari lantai bot (*draft*) adalah sedalam 1 kaki sesuai digunakan di kawasan cetek<br>• Aspek daya tahan bot menyebabkan ianya sesuai digunakan bagi operasi menyelamat di kawasan banjir dan sungai yang dipenuhi dengan halangan kayu dan binaan tenggelam<br>• Bersaiz kecil bagi memudahkan tujuan pengangkutan, pengendalian serta pemanduan<br>• Had maksima | 9,750 | | |

| | | |
|---|---|---|
| | penumpang seramai 4 orang<br>• Rekabentuk bawah badan bersifat lepap *(flat bottom)* menjadikannya stabil dan mudah dikendalikan di kawasan cetek dan tidak berombak<br>• Bot dilengkapi dengan enjin 15 kuasa kuda<br>• Sistem pemanduan manual<br>• Kos penjagaan yang rendah dan mudah (tidak termasuk kos penyelenggaraan enjin) | |
| | **JUMLAH** | **13,340** |

2. Semua pembelian barangan untuk Skuad Pantas telah dibajetkan di bawah seliaan Jabatan Khidmat Pengurusan iaitu di bawah kod Bekalan Am – B27201. Namun begitu, pembelian bot ini merupakan kategori asset kerana harganya melebihi RM 2,000 per unit dan perlu menggunakan kepala kod asset (A30000).

3. Bagi mengikuti prosedur perakaunan yang betul, proses pindah peruntukan akan dilakukan dan pindahan kepala kod yang berbeza perlu mendapat kelulusan mesyuarat sebelum dipindahkan. Kod vot yang perlu dipindah masuk dan dipindah keluar adalah seperti di **Lampiran C**.

**<u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u>**

Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan pindah peruntukan ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 7.2 | **KERTAS MESYUARAT NO. 2**<br><br>**PERMOHONAN MENGADAKAN BAZAR RAMADAN TAHUN 2022 DAERAH KUALA LANGAT.**<br><br>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.<br><br>*Butiran permohonan* | **JPL** |

| **BAZAR RAMADAN** | |
|---|---|
| Bil. | Pemohon |
| 1. | Bazar Ramadan Bandar Sungai Emas<br><br>Nama pemohon : Encik Khairul Nizam bin Jumi<br>Lokasi : Jalan Emas 1, Bandar Sungai Emas<br>Jumlah petak : 40<br>Tempoh : 3 April – 2 Mei 2022 (29 hari)<br><br>Ulasan jabatan : Pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini dan kawasan ini merupakan lokasi yang sama penganjuran bazar Ramadan bagi tahun 2021. |
| 2. | Bazar Ramadan Sungai Rambai, Jenjarom<br><br>Nama pemohon : Encik Mohd Rohaizan bin Mohd Sarin<br>Lokasi : Jalan Rambai 2, Sungai Rambai<br>Jumlah petak : 20<br>Tempoh : 3 April – 2 Mei 2022 (29 hari)<br><br>Ulasan jabatan : Pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini dan kawasan ini merupakan lokasi yang sama penganjuran bazar Ramadan bagi tahun 2021. |
| 3. | Bazar Ramadan Super Seven Koi Suites Taman Mas Puchong<br><br>Nama pemohon : YBhg. Dato' Paduka Azami Mohamed<br>Nama syarikat : Super Seven<br>Lokasi : Hadapan Pasar Raya Super Seven<br>Jumlah petak : 28 petak |

| | |
|---|---|
| | Tempoh : 3 April – 2 Mei 2022 (29 hari)<br><br>Ulasan jabatan : Pihak Jabatan tiada halangan terhadap permohonan ini dan kawasan ini merupakan lokasi baharu bagi tahun 2022. |

*Ulasan urus setia*

1. Pihak Jabatan tiada halangan dan menyokong permohonan ini. Sekiranya diluluskan, pemohon perlu menepati syarat-syarat dan peraturan MPKL dan SOP MKN yang ditetapkan.

2. Kadar bayaran yang akan dikenakan ialah :

| Butiran | Fi bayaran |
|---|---|
| Fi Permit Penjaja & Caj Sampah | RM 200.00/petak |
| Pas pembantu (1-3 orang) | RM 50.00 |
| Fi tambahan bagi air kelapa/tebu | RM 50.00 |
| Patil | RM 10.00/unit |

3. Jenis perniagaan yang dibenarkan bagi permit Bazar Ramadan adalah makanan dan minuman sahaja.

4. Masa operasi yang dibenarkan ialah dari jam 3.00 petang hingga 8.00 malam sahaja.

5. Pengurus bazar perlu melantik RELA/pengawal bagi mengawal selia pengunjung dan lalulintas, penyusunan peniaga dan kaunter masuk.

6. Pengurus bazar perlu mengawal pintu masuk dan keluar untuk memastikan SOP MKN dipatuhi.

7. Setiap peniaga dan pembantu diwajibkan memakai apron dan penutup kepala.

8. Penjarakan antara gerai peniaga adalah minimum 1 meter.

9. Pengurus bazar perlu memastikan peniaga dan pengunjung menunjukkan kad/Sijil Digital vaksinasi Covid-19, menggunakan pelitup muka setiap masa dan menggunakan *hand sanitizer*.

10. Peniaga/pengunjung yang mempunyai gejala (demam/batuk/selsema) tidak dibenarkan sama sekali memasuki tapak bazar.

11. Konsep jualan dibenarkan secara bungkus (*take away*) sahaja.

12. Peniaga perlu menyediakan plastik sampah dan diwajibkan membersihkan tapak niaga sebelum keluar dari tapak bazar.

13. Menjaga kebersihan diri dan tapak niaga adalah baik setiap waktu.

14. Peniaga dilarang menggunakan khidmat warganegara asing dalam aktiviti perniagaan.

15. Pihak penganjur bazar adalah bertanggungjawab menjaga kebersihan tapak perniagaan dan ketenteraman orang ramai supaya tidak menimbulkan sebarang kacauganggu pada masa perniagaan dijalankan.

16. Pihak MPKL tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan yang berlaku di tapak bazar sepanjang masa bazar dijalankan.

17. Pihak penganjur bazar hendaklah memastikan kawasan tapak perniagaan sentiasa bersih iaitu semasa dan selepas urusniaga. Sebarang pembakaran terbuka adalah dilarang.

**KEPUTUSAN MESYUARAT**

| BAZAR RAMADAN | |
|---|---|
| Bil. | Pemohon |
| 1. | Bazar Ramadan Bandar Sungai Emas<br><br>Nama pemohon : Encik Khairul Nizam bin Jumi<br>Lokasi : Jalan Emas 1, Bandar Sungai Emas<br>Jumlah petak : 40<br>Tempoh : 3 April – 2 Mei 2022 (29 hari)<br><br>**KEPUTUSAN MESYUARAT**<br><br>Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan ini. |
| 2. | Bazar Ramadan Sungai Rambai, Jenjarom<br><br>Nama pemohon : Encik Mohd Rohaizan bin Mohd Sarin<br>Lokasi : Jalan Rambai 2, Sungai Rambai<br>Jumlah petak : 20<br>Tempoh : 3 April – 2 Mei 2022 (29 hari)<br><br>**KEPUTUSAN MESYUARAT**<br><br>Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan ini. |
| 3. | Bazar Ramadan Super Seven Koi Suites Taman Mas Puchong<br><br>Nama pemohon : YBhg. Dato' Paduka Azami Mohamed<br>Nama syarikat : Super Seven<br>Lokasi : Hadapan Pasar Raya Super Seven<br>Jumlah petak : 28 petak<br>Tempoh : 3 April – 2 Mei 2022 (29 hari)<br><br>**KEPUTUSAN MESYUARAT**<br><br>Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan ini. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 7.3 | **<u>KERTAS MESYUARAT NO. 3</u>**<br><br>**CADANGAN PELABURAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DALAM PROJEK *WASTE TO ENERGY* OLEH WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD DI SELANGOR.**<br><br>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.<br><br>*<u>Latar belakang</u>*<br><br>1. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bil. 1/2022 yang dipengerusikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor pada 14 Februari 2022 telah bersetuju supaya Pihak Berkuasa Tempatan yang bercadang untuk membuat pelaburan dalam projek *Waste To Energy* oleh Worldwide Holdings Berhad di Selangor berhubung secara terus dengan pihak WHB selewat-lewatnya pada bulan Mac 2022.<br><br>2. Objektif pelaburan ini adalah untuk memberi peluang pulangan bagi PBT yang mengambil bahagian untuk terlibat secara tidak langsung dalam menyokong aspirasi Kerajaan Negeri Selangor dalam menjalankan aktiviti WTE yang diterajui oleh Worldwide Landfills Sdn. Bhd. sebuah anak syarikat 100% milik penuh WHB melalui pelaburan kolektif sehingga RM 400 juta.<br><br>3. Latar belakang projek WTE ini adalah dimana loji WTE akan membakar sisa pepejal sebagai bahan mentah untuk memanaskan relaunya dan menghasilkan wap yang mendorong turbin untuk menjana elektrik.<br><br>4. Terdapat 3 loji WTE iaitu WTE 1 di Jeram yang boleh membakar 1,200 tan/hari sisa pepejal untuk menghasilkan 26 MW. WTE 2 di Jeram boleh membakar 1,500 tan/hari untuk menghasilkan 26MW dan WTE 3 di Tanjung | **JP** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Duabelas boleh membakar 2,000 tan/hari untuk menghasilkan 38MW.<br><br>_Instrumen pelaburan_<br><br>1. Pihak WHB telah mencadangkan dua (2) pilihan instrument pelaburan untuk pihak PBT terlibat untuk pelaburan iaitu pelaburan sebagai saham pinjaman *Redeemable Convertible Unsecured Loan Stock (RCULS)*, atau *Unrated Guaranteed Sukuk* yang akan dijamin oleh Danajamin Nasional Berhad (milik penuh Bank Pembangunan Malaysia).<br><br>2. Struktur pelaburan yang dicadangkan adalah seperti di **Lampiran D**.<br><br>**KEPUTUSAN MESYUARAT**<br><br>Mesyuarat bersetuju untuk pihak Majlis melabur sebanyak RM 10 juta dalam Projek *Waste To Energy* ini. | |
| | **7.4** | **KERTAS MESYUARAT NO. 4**<br><br>**PENGESAHAN SENARAI NILAIAN BAHARU DAN KADAR CUKAI BAHARU BAGI PEGANGAN DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BERKUATKUASA TAHUN 2023 ATAU TERTAKLUK TARIKH YANG DILULUSKAN OLEH PIHAK BERKUASA NEGERI.**<br><br>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.<br><br>_Latar belakang_<br><br>1. Berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 137 (3), Akta Kerajaan Tempatan 1976 :<br><br>"Sesuatu Senarai Nilaian Baharu yang mengandungi butir-butir yang sama seperti dalam seksyen kecil (1) hendaklah disedia dan disiapkan sekali tiap-tiap lima tahun atau tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri." | **JPPH** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | 2. Senarai Nilaian sediada telah disediakan sepenuhnya oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta pada tahun 1987. Memandangkan Senarai Nilaian yang sediada adalah merupakan satu senarai yang telah digunapakai selama 35 tahun, maka adalah wajar Senarai Nilaian sediada ini disemak semula melalui pelaksanaan Penilaian Semula dengan menggunakan aras nilaian baharu iaitu tahun 2020. Jumlah pegangan yang dikenakan dengan kadar dari tahun 1987 adalah sebanyak 7,208 unit manakala sehingga 1 Januari 2022 pegangan tersebut bertambah kepada 103,270 unit. (Pertambahan sebanyak 96,062 unit pegangan).<br><br>3. Jabatan Penilaian Dan Pegurusan Harta (JPPH) telah membentangkan kertas kerja untuk mendapatkan kelulusan Aras Nilaian 2018 bagi setiap pegangan yang digunakan sebagai asas penilaian bagi tujuan Penilaian Semula pada 11 Mac 2019 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil 02/2019 dan disahkan di dalam Mesyuarat Majlis Daerah Kuala Langat Bil 03/2019 bertarikh 26 Mac 2019. Mesyuarat bersetuju dengan penetapan kadar yang dicadangkan mengikut kategori pegangan untuk dibawa kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan bersetuju Penilaian Semula akan dikuatkuasakan pada Tahun 2020 dengan Senarai Nilaian Baharu menggunakan Aras Nilaian 2018.<br><br>4. Oleh kerana pelaksanaan Penilaian Semula telah ditangguhkan dan dikuatkuasakan pada tahun 2022 sepertimana merujuk kepada Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) kertas EXCO- MTES No 2/2/2020 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2020 bertarikh 05 Februari 2020, maka pihak jabatan telah mengangkat semula Pengesahan Senarai Nilaian Baharu dan Kadar Cukai Baharu Bagi Pegangan Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Kuala Langat menggunakan Aras Nilaian Tahun 2020 dan telah diluluskan melalui Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat Bil. 6/2020 bertarikh 21 Ogos 2020 | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | bagi mengesahkan Aras Nilaian 2020 dan Senarai Nilaian Baharu.<br><br>*<u>Pelaksanaan penilaian semula</u>*<br><br>1. Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 29 Januari 2020 kertas EXCO- MTES No 2/2/2020 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2020 bertarikh 05 Februari 2020 telah bersetuju seperti yang berikut :<br><br>i. Agar semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor melaksanakan penilaian semula bagi pegangan berkadar dibawah pentadbiran PBT masing-masing dengan menggunakan Aras Tahun 2020.<br><br>ii. Bersetuju agar semua PBT Negeri Selangor melaksanakan pelarasan kepada nilai cukai taksiran sedia ada yang dikenakan kepada pemilik pegangan dengan kenaikan di antara 20% hingga 25% tanpa mengira jenis atau kategori pegangan sama ada belum diubah suai atau telah diubah suai.<br><br>2. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 02 Disember 2020 kertas EXCO- MTES No 3/27/2020 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 42/2020 bertarikh 09 Disember 2020 berkenaan cadangan penguatkuasaan Senarai Nilaian Baharu bagi semua pegangan di PBT Negeri Selangor. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menimbangkan dan meluluskan penguatkuasaan Senarai Nilaian Baharu bagi semua pegangan di PBT Negeri Selangor seperti yang berikut :<br><br>i. Bersetuju dengan cadangan untuk meneruskan proses penilaian semula dan tarikh kuat kuasa senarai nilaian baharu cukai taksiran dipinda kepada 1 Januari 2022. Carta perbatuan yang baru akan diselaraskan semula oleh Seksyen Pihan Berkuasa Tempatan, UPEN dan PBT Negeri Selangor; | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | ii. Bersetuju agar pelarasan kepada kenaikan cukai taksiran sedia ada yang dikenakan kepada pemilik pegangan adalah sehingga 25% tanpa mengira jenis atau kategori pegangan sama ada belum diubah suai atau telah diubah suai;<br><br>iii. Bersetuju agar peningkatan cukai taksiran akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh 5 tahun sehingga mencapai peratus maksimum 25%;<br><br>iv. Bersetuju agar PBT dibenarkan mewarta dan mengenakan kadar cukai atas mana-mana pegangan di Kawasan masing-masing termasuk perluasan kawasan baharu dengan menggunakan kadar dan senarai nilaian berkuatkuasa selaras dengan peruntukan Seksyen 127 Akta 171;<br><br>v. Bersetuju agar senarai nilaian sedia ada hendaklah dilanjutkan untuk diguna pakai di semua PBT sehingga digantikan dengan suatu senarai nilaian baharu selaras dengan peruntukan seksyen 137(2) dan (3) Akta 171; dan<br><br>vi. Bersetuju agar proses penilaian semula dan pindaan senarai nilaian oleh PBT hendaklah mematuhi semua syarat, prosedur serta peraturan dan undang-undang yang berkuat-kuasa;<br><br>vii. Bersetuju supaya Pelan Komunikasi berkaitan pelarasan ini dirangka dengan teliti supaya pemilik pegangan memahami rasional dan kewajaran tindakan Kerajaan Negeri.<br><br>3. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 38/2021 bertarikh 10 November 2021 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor ke 39/2021 pada 17 November 2021 telah memutuskan cadangan penguatkuasaan Senarai Nilaian Baharu bagi semua pegangan di PBT seperti berikut: | |

i. Bersetuju agar PBT menyambung proses penyediaan senarai nilaian baharu dan/ atau meneruskan proses seterusnya yang merangkumi penyiaran pewartaan notis, iklan, edaran notis, penerimaan bantahan, sesi pendengaran bantahan, semakan dan lain-lain proses berkaitan mengikut peraturan yang berkuat kuasa sebelum membentangkan semula untuk pengesahan Kerajaan Negeri selewat-lewatnya sebelum 31 Disember 2022.

ii. Bersetuju agar tarikh kuat kuasa senarai nilaian baharu akan ditentukan semula oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri setelah mengambil kira semua prosedur serta peraturan dan undang-undang sedia ada telah dipatuhi.

iii. Bersetuju agar pelarasan kadar cukai taksiran bagi senarai nilaian baharu yang akan disiar warta dan diedarkan melalui notis kepada pemilik pegangan adalah tidak melebihi 25% (kenaikan) tanpa mengira jenis atau kategori pegangan sama ada belum diubahsuai atau telah diubahsuai.

iv. Bersetuju agar pelarasan kadar cukai taksiran akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima (5) tahun bermula dari tarikh kuatkuasa sehingga mencapai peratus maksimum 25% setelah senarai nilaian baharu, yang akan ditentukan kemudian oleh Kerajaan Negeri.

4. Senarai kawasan yang terlibat dalam perlaksanaan Penilaian Semula dan pegangan-pegangan harta yang boleh dikenakan kadar seperti yang diperuntukkan bawah Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 melalui Warta No. 2342 Jilid 59 (Bil No.22), Pelan Warta No 1442 bertarikh 26 Oktober 2006 adalah seperti berikut :

| Bil. | Mukim | Keluasan (hektar) |
|---|---|---|
| 1. | Tanjung Dua Belas | 33,585.18 |
| 2. | Telok Panglima Garang | 7,961.44 |
| 3. | Jugra | 15,580.15 |
| 4. | Bandar | 3,865.04 |
| 5. | Kelanang | 7,121.22 |
| 6. | Morib | 2,469.73 |
| 7. | Batu | 12,256.82 |
| Jumlah | | 82,839.58 |
| Zon pesisiran pantai (3 batu nautika dari tikas air surut) | | 2,930.42 |
| Jumlah keseluruhan | | 85,770.00 |

5. Jumlah keseluruhan keluasan daerah Kuala Langat ialah seluas 85,770.00 hektar termasuk kawasan 3 batu nautika dari tikas air surut.

*Kadar cukai taksiran yang baharu*

1. Kadar cukai taksiran semasa dan kadar baharu yang telah diluluskan dan dikuatkuasakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Majlis Perbandaran Kuala Langat Bil. 6/2020 bertarikh 21 Ogos 2020 bagi mengesahkan Aras Nilaian 2020 dan Senarai Nilaian Baharu adalah seperti berikut :

| BIL | JENIS PEGANGAN HARTA | KADAR CUKAI TAKSIRAN SEDIADA | KADAR CUKAI TAKSIRAN YANG BAHARU |
|---|---|---|---|
| 1. | Kediaman | 5.5% - 14.0% | 3.0% |
| 2. | Perniagaan | 6.5% - 14.0% | 4.0% |
| 3. | Perindustrian | 6.5% - 14% | 5.0% |
| 4. | Pertanian | 1.0% | 1.0% |

2. Namun begitu, pihak jabatan mencadangkan penambahbaikan kadar cukai taksiran mengikut jenis pegangan harta seperti berikut :

| BIL | JENIS PEGANGAN HARTA | KADAR CUKAI TAKSIRAN SEDIADA | KADAR CUKAI TAKSIRAN YANG BAHARU |
|---|---|---|---|
| 1. | **BANGUNAN** | | |
| | i. Kediaman | 5.5% - 14.0% | 3% |
| | ii. Perniagaan | 6.5% - 14.0% | 4% |
| | iii. Perindustrian | 6.5% - 14.0% | 5% |
| 2. | **PERTANIAN** | | |
| | i. Bangunan kediaman diatas tanah pertanian | 1% | 1% |
| | ii. Bangunan perniagaan diatas tanah pertanian | 6.5% - 14.0% | 4% |
| | iii. Bangunan perindustrian diatas tanah pertanian | 6.5% - 14.0% | 5% |
| | iv. Bangunan untuk tujuan ternakan diatas tanah pertanian | 1% | 1% |
| 3. | **TANAH KOSONG** | | |
| | i. Pertanian | 1% | 1% |
| | iii. Kategori "Bangunan" disyaratkan untuk kediaman | 5.5% - 14.0% | 3% |
| | iv. Kategori "Bangunan" disyaratkan untuk perniagaan | 6.5% - 14.0% | 4% |
| | v. Kategori "Perindustrian" | 6.5% - 14.0% | 5% |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **SUMBANGAN MEMBANTU KADAR / BANGUNAN DI BAWAH SEK. 163 AKTA 171.** | kadar mengikut jenis- jenis kegunaan Bangunan seperti di atas | kadar mengikut jenis- jenis kegunaan Bangunan seperti di atas |

*Implikasi kewangan*

1. Implikasi kewangan bagi peningkatan hasil adalah seperti di **Lampiran E**.

